

karni 9/10/2011 NLS 49.



ALMARHUM Sultan Abdul Hamid dan Che Manjalara banyak mengajar erti kehidupan kepada Tunku Abdul Rahman.



TUNKU Abul Rahman merupakan pencetus kepada penubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).



ALMARHUM Tunku Abdul Rahman dipanggil dengan gelaran Awang oleh adik-beradiknya sehingga berusia 21 tahun.

Coretan lucu Perdana Menteri pertama

Tunku Abdul Rahman hidup sederhana walaupun beliau berasal daripada kerabat diraja dan pernah menjadi orang nombor satu negara.

SUKAR untuk menggambarkan keseluruhan sisi kehidupan Perdana Menteri Malaysia pertama Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Beliau bukan sahaja seorang keluarga diraja, ahli politik malah seorang pemikir yang hebat sehingga ideanya mencetuskan kewujudan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

Melalui buku *Coretan Kenangan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj* hasil terjemahan daripada buku bahasa Inggeris *Looking Back* karya Tunku yang pernah tersiar dalam akhbar *The Star* dari Disember 1974 hingga 16 Ogos 1976, kisah suka duka Tunku sejak zaman kecil sehingga penghujung usia semuanya ada dalam buku ini.

Melalui karya setebal 563 muka surat itu juga Tunku menceritakan pelbagai peristiwa penting pada era kebangkitan semangat nasionalisme, kejatuhan imperialisme dan perkembangan yang berlaku di Asia Tenggara. Terdapat 53 artikel semuanya.

Namun, artikel terakhir Tunku dalam buku itu, *Mengenang Bunda Tersayang* merakamkan hubungan rapat beliau dengan ibunya, Che Manjalara.

Menurut Tunku, beliau dibesarkan didikan istimewa oleh ibunya kerana keganjilan yang berlaku semasa kelahirannya.

Tunku dianggap oleh adik-beradik yang lain sebagai pelik kerana kulitnya lebih hitam berbanding ahli keluarga diraja yang lain.

Tunku juga digelar Awang sehingga dia berusia 21 tahun.



CUCUNDA Tunku Abdul Rahman, Tunku Muinuddin Putra Tunku Ahmad Nerang (paling kiri) menyifatkan datuknya seorang yang berperwatakan sederhana.

Bonda tercinta

Dahulu, gelaran Awang diberikan kepada budak kampung yang berasal dari kawasan sawah. Selalunya mereka berkulit gelap kerana sering terdedah kepada terik matahari.

Sebenarnya, bonda Tunku, Che Manjalara mempunyai alasan lain untuk menjelaskan mengapa kulit anaknya itu menjadi gelap.

Puncanya Tunku dilahirkan secara tipu-tipu sunat. Menurut Tunku, pada waktu dahulu terdapat sebuah keluarga di Kedah yang mana salah seorang daripadanya anggota keluarga ini menjadi Penyimpan Mohor Raja.

Bagaimanapun, individu itu menyalahgunakan mohor tersebut untuk menipu rakyat supaya menjual tanah mereka tetapi perbuatan itu akhirnya terbongkar.

Mengikut hukuman, sesiapa yang menyalahgunakan mohor itu akan dihukum bunuh.

Selain itu, keluarganya juga boleh dikenakan hukuman kerana kesalahan itu.

Mengikut undang-undang, ibu jari isteri dan anak-anaknya boleh dipotong.

Selepas Penyimpan Mohor Raja itu ditangkap, isteri dan anggota keluarganya lari ke istana berjumpa bonda Tunku untuk meminta bantuan.

Bonda Tunku kemudian mencari jalan dengan meminta bantuan Almarhum Sultan Kedah ketika itu memerintahkan agar hukuman terhadap lelaki berkenaan dan keluarganya ditangguhkan dengan alasan bonda Tunku sedang mengandung.

Pada masa itu, ada kepercayaan seseorang bapa yang menyebabkan makhluk lain menjadi cacat, anaknya yang bakal lahir juga akan cacat masih menebal.

Oleh itu, ayahanda Tunku menangguhkan hukuman itu sehing-

ga bonda Tunku bersalin.

Ramai kawan

Tidak lama selepas itu, bonda Tunku menceritakan bahawa sebenarnya beliau tidak mengandung dan akibat perbuatannya berbohong, Manjalara mengandung Tunku.

Tulis Tunku lagi, pada 8 Februari 1903, kes berkenaan selesai dibicarakan dan keputusannya ialah lelaki berkenaan dikenakan hukuman penjara manakala isteri dan anak-anaknya terlepas daripada hukuman hasil pertolongan bonda Tunku.

Tunku juga menceritakan pengalaman manis zaman kanak-kanak yang amat menyeronokkan kerana beliau mempunyai ramai kawan di istana dan di luar kawasanya iaitu di sepanjang Sungai Raja untuk bermain.

Sebenarnya, penduduk yang tinggal di luar kawasan istana adalah mereka yang dibebaskan setelah menjadi hamba bagi menyelesaikan hutang masing-masing.

Pada masa itu, orang seperti ini digelar orang berhutang. Mereka menjadikan anak sebagai cagar untuk pinjaman yang dibuat.

Apabila semua hutang ini sudah dijelaskan, mereka boleh menebus kembali anak masing-masing.

Tetapi setelah lama menikmati kemewahan di pekarangan istana, mereka berat hati untuk pulang ke kampung masing-masing. Oleh itu sebahagian besar daripada mereka terus menetap di situ.

"Saya sering mencuri keluar dari kawasan istana untuk bergaul dengan mereka yang tinggal



di luar kawasan istana. Perbuatan itu membuat bonda saya berasa bimbang dan oleh itu beliau menyuruh orang mencari saya. Apabila menjumpai saya, mereka akan mendukung saya untuk dibawa pulang ke istana," kata Tunku dalam buku tersebut.

Tunku juga menceritakan antara pengalaman manis ketika beliau masih kecil ialah peluang untuk menonton wayang yang ditayang oleh seorang lelaki Jepun di sebuah padang di istana.

Filem berkenaan mengisahkan peperangan antara Jepun dan Rusia tetapi Tunku hanya sempat menikmati tayangan itu selama 10 minit kerana beliau tertidur dan tidak sedar dibawa pulang ke istana.

Cucunda Almarhum Tunku Abdul Rahman, Tunku Muinuddin Putra Tunku Ahmad Norang, 48, menyifatkan datuknya seorang yang berperwatakan sederhana.

"Almarhum Tunku seorang yang bersifat peramah dengan setiap orang tanpa mengira keturunan, bangsa dan pangkat.

"Almarhum juga suka makan makanan kampung dan kegemarannya ialah sambal belacan," katanya ketika ditemui *Jurnal* baru-baru ini.

Tunku guna bahasa Inggeris mudah

BAGI penterjemah buku *Coretan Kenangan Tunku*, Shamsudin Puteh, walaupun bahasa Inggeris yang digunakan mudah, proses menterjemah amat mencabar kerana dia seboleh-bolehnya ingin mengekalkan keaslian karya bekas Perdana Menteri pertama itu.


Beliau memberitahu, masa tiga bulan diambil untuk menterjemah buku berkenaan dengan berbekalkan kajian mengenai buku-buku yang dihasilkan oleh Tunku sebelum itu.

"Tunku tidak gunakan bahasa Inggeris bombastik dalam buku asalnya *Looking Back*, sebab itu menjadi tugas saya menterjemah dengan bahasa yang mudah difahami," katanya

pada sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran *Buku Coretan Kenangan Tunku* dan *Pencapaian 10 Juta Hit Portal iKlik* di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Sementara itu, pencetus idea menterjemahkan buku *Looking Back*, Tan Sri Zainuddin Maidin berkata, disebabkan banyak buku dan tulisan Tunku dalam bahasa Inggeris, elok rasanya ia diterjemahkan kerana tidak semua orang Melayu dapat membacanya dalam bahasa Inggeris.

"Anak-anak muda terutamanya Melayu lebih suka baca dalam bahasa Melayu. Jadi rugi kalau kita tidak tahu pendekatan yang digunakan beliau khususnya dalam sejarah penting negara," ujarnya.



MASA tiga bulan diambil untuk menterjemah buku ini ke dalam bahasa Melayu.